

15 JAN 2002

Malaysia-Amerika/I

M'SIA HEBAT DALAM TINDAKAN ANTI KEGANASAN, KATA DUTA AMERIKA

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia telah melaksanakan usaha yang hebat dalam memerangi keganasan, kata Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T. Huhtala.

Beliau berkata terdapat peningkatan besar dalam hubungan Amerika-Malaysia sejak tahun lepas, dengan Presiden George W. Bush dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap menerusi telefon dan saling mengutus surat.

"Ia merupakan surat-surat yang baik, bukan sebarang surat rasmi. Ia membabitkan pertukaran pendapat yang amat berguna," katanya kepada malaysiakini.com, portal berita Internet, dalam satu temubual yang disiarkan hari ini.

"Sejak beberapa tahun lepas, kita menyaksikan beberapa perkara yang hebat, dan hakikat bahawa presiden baru kami dan perdana menteri Malaysia mampu memulakan perhubungan tahun ini, saya rasa ia merupakan petanda yang baik," katanya.

Huhtala berkata keutamaan beliau ialah untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam memerangi keganasan berikutan serangan pengganas di Amerika pada 11 Sept lepas.

Pada hari serangan, polis Malaysia dengan pantas datang membantu para pegawainya di kedutaan Amerika di sini, dan menurut duta itu, : "Kami tidak perlu meminta mereka datang. Mereka sendiri datang dengan anggota tentera dan anda mungkin nampak bahawa kami masih mendapat perlindungan yang baik di sini."

"Kami mendapat kerjasama baik dalam mengesan dan membekukan aset-aset yang mungkin disimpan oleh pengganas dalam bank di sini, terutama kerjasama dengan polis negara ini dalam mengesan pengganas."

Huhtala berkata Amerika mahu melihat aliran perdagangan terus meningkat dengan ahli perniagaannya di Malaysia terus menikmati persekitaran yang baik.

Kepada isu yang dibangkitkan oleh malaysiakini.com bahawa akhbar Melayu tempatan seolah-olah menyemarakkan sentimen anti-Washington dalam liputan mereka berhubung serangan bom Amerika di Afghanistan, duta itu berkata negaranya tahu bahawa ia bukan dasar rasmi kerajaan Malaysia tetapi lebih sebagai satu gambaran tentang kebebasan bersuara wujud di Malaysia.

"Saya gembira kerana wujud kebebasan bersuara di Malaysia seperti yang kami nikmati. Kita tidak boleh menyamakan apa yang kita dengar dalam media dengan dasar-dasar kerajaan, tidak di mana-mana negara kecuali kerajaan yang mempunyai kawalan ketat ke atas media, tetapi ia tidak berlaku di sini," katanya.

Beliau berkata memang wujud perbezaan pendapat antara Washington dan Kuala Lumpur berhubung serangan di Afghanistan, dengan Dr Mahathir sendiri berkata bahawa ia bukan keputusan yang betul.

"Saya memahaminya kerana beliau (Dr Mahathir) bimbang orang awam mungkin terbunuh. Saya menghormatinya. Beliau mempunyai pendirian, begitu juga kami. Kami merasakan bahawa kami perlu membalas serangan dasyat pengganas yang kami alami pada September.

"Kami perlu melenyapkan pertubuhan ini -- Taliban dan al-Qaeda -- yang mendalangi serangan itu. Kami berjaya melakukannya tetapi kami menghormati hak kerajaan lain yang tidak bersetuju dengan kami mengenai beberapa perkara. Ia tidak menjejaskan kerjasama baik yang kami dapat dari seluruh dunia dalam memerangi keganasan," kata Huhtala.

Sambil menyamakan pendirian anti Amerika oleh beberapa akhbar dengan keadaan di Amerika sendiri, duta itu berkata: "Jika kamu membaca media Amerika, kamu boleh melihat pelbagai pandangan yang tidak mencerminkan dasar kerajaan Amerika. Jadi kamu perlu membuat perbezaan antara pandangan media dan dasar kerajaan yang sebenar. Itulah sebahagian daripada tugas kami di kedutaan -- menterjemahkannya untuk kerajaan kami."

Ketika diberitahu oleh malaysiakini.com bahawa banyak akhbar dan stesen televisyen di Malaysia dikawal oleh individu yang berkait rapat dengan parti pemerintah, beliau berkata : "Bukan penilaian kami bahawa media adalah lidah rasmi kerajaan walaupun ada hubungan dengan pemiliknya. Saya rasa wujud kebebasan bersuara yang adil di negara ini dan ia perlu digalakkan."

-- BERNAMA

AU AU LAT MAI